

TAHAP KEFAHAMAN GURU MENGENAI KONSEP JIRIM

AINUL BASIRAH BINTI MOHAMAD SANI

Disertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Kimia)

Fakulti Pendidikan  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

NOVEMBER, 2012

Khasnya ditujukan :

Buat suami tercinta,

AHMAD NABIL MD NASIR

Yang memberi inspirasi, kekuatan dan kasih sayang yang tidak terhingga.

Buat mak, abah, & ma tersayang,

PUZIAH OMAR, MOHAMAD SANI ABD MANAN & w.hazizah w.yusof

Di atas galakan dan sokongan padu yang telah diberikan.

Buat anak anugerah terindah,

MUHAMMAD AMIR 'ATHOILLAH AHMAD NABIL

Moga jadi insan yang cintakan ilmu dan memberi manfaat kepada orang  
lain.

Buat semua guru dan pensyarah yang telah mendidik saya,

Tanpa guru yang mewakili sejuta buku, saya bukanlah sesiapa.

*Setinggi-tinggi terima kasih atas sokongan, keprihatinan, kasih sayang dan  
doa yang kalian berikan sehingga disertasi ini disempurnakan.*

## PENGHARGAAN

*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani*

Dengan kalimah bismillah dan pujian buat Tuhan Ar Rahman Ar Rahim semoga dilimpahkan rahmat dan payungan keberkatan yang kekal berpanjangan. Selawat dan salam buat Rasulullah junjungan teragung pembawa obor kebenaran penyinar kegelapan, sahabatnya dan seluruh pewaris pembawa risalah kebenaran. Alhamdulillah, syukur dan puji-pujian dipanjatkan kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya memberi keizinan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini.

Di kesempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof Madya Dr Mohammad Yusof Arshad selaku penyelia disertasi yang begitu dedikasi dan bersungguh-sungguh membantu, memberi tunjuk ajar dan membimbing sepanjang masa dalam menyiapkan kerja ilmiah ini . Kesanggupan beliau meluangkan masa yang amat bernilai dan memberi cetusan idea yang bernas telah menguatkan azam saya untuk menyempurnakan disertasi ini dengan lebih baik dan bermutu.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pengetua, guru besar, guru penolong kanan kurikulum, ketua panatia sains serta guru-guru sains yang bersedia meluangkan masa dalam membantu menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.

Terima kasih tidak terhingga dan semoga segala bantuan dan pertolongan yang diberikan, ganjaran oleh yang Maha Pemurah dengan rahmat dan keberkatan di dunia dan akhirat. Akhirnya, kemaafan jua dipohon atas segala kesalahan dan kekhilafan yang dilakukan. Salam hormat dan terima kasih.

## **ABSTRAK**

Kebanyakan konsep sains adalah abstrak, dan begitu juga dengan konsep jirim. Pemahaman konsep sains yang baik oleh guru adalah penting supaya pengajaran lebih berkesan dan mengelakkan kerangka alternatif dipindahkan kepada pelajar. Pengetahuan guru mengenai isi kandungan mata pelajaran membantu guru untuk mengaplikasikan ilmu yang hendak diajar bagi mengelakkan kerangka alternatif pelajar. Pengalaman mengajar seseorang guru memberi kesan kepada kefahaman mereka mengenai konsep-konsep sains. Maka, kajian ini dijalankan bagi mengkaji tahap kefahaman guru-guru sains mengenai konsep jirim berdasarkan tahap pendidikan, pengalaman mengajar, dan sama ada mengajar di sekolah rendah atau sekolah menengah. Responden terdiri daripada 84 guru sains di beberapa buah sekolah di daerah Skudai, Johor Bahru. Soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini. Statistik deskriptif digunakan dalam kajian ini yang melibatkan pengiraan kekerapan dan peratusan. Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman guru sains mengenai konsep jirim dalam kajian ini adalah sederhana. Tahap kefahaman kumpulan guru yang memiliki sarjana mengenai konsep jirim adalah lebih baik daripada tahap kefahaman kumpulan guru yang memiliki ijazah. Guru yang lebih berpengalaman mempunyai kefahaman konsep jirim yang lebih baik daripada kumpulan guru yang mempunyai kurang pengalaman. Tahap kefahaman kumpulan guru yang mengajar di sekolah menengah adalah lebih baik daripada kumpulan guru yang mengajar di sekolah rendah. Beberapa implikasi daripada hasil kajian terhadap tahap kefahaman konsep jirim di kalangan guru sains diberikan berserta dengan cadangan-cadangan untuk kajian lanjutan dikemukakan.

## **ABSTRACT**

Most of the science concepts are abstract, and it also goes to particulate nature of matters concept. Teachers' understanding on that concept is very important to enhance teaching effectiveness and avoid alternative conception among students. Teachers' knowledge about subject's syllabus helps them to apply the knowledge and avoid alternative conception among students. Teaching experience also affects the teachers' understanding on some concept in subject's syllabus. Therefore, this research examines the level of teachers' understanding about particulate nature of matters, based on the level of highest education, teaching experience, and whether teaching at primary school or secondary school. There were 84 science teachers from different school in Skudai, Johor Bahru were involved as the respondents while questionnaire is used as a medium in this research. Descriptive statistics was used in counting the frequency and percentage. Findings showed that the level of teachers' understanding on particulate nature of matters concept is moderate. Teachers with master degree have better level of understanding than teachers with a first degree. More experienced teachers have better understanding compare to teachers who have less teaching experience. Secondary school teachers have better understanding compare to primary school teachers. Some implications of the findings are suggested, limitations are cited and some suggestions for further research are put forward.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>TOPIK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	5
	1.2.1 Kefahaman Guru Mengenai Konsep Jirim	5
	1.2.2 Pengetahuan Guru Sains	7
	1.2.3 Pengaruh Pengalaman Mengajar Terhadap Pengajaran	8

1.2.4	Kepentingan Kefahaman Guru Di Peringkat Sekolah	9
1.3	Pernyataan Masalah	11
1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Persoalan Kajian	12
1.6	Hipotesis Kajian	13
1.7	Kerangka Teori	14
1.8	Definisi Secara Operasi	15
1.8.1	Pemahaman	15
1.8.2	Kerangka Alternatif	15
1.9	Kepentingan Kajian	16
1.10	Skop Kajian	17
1.11	Batasan Kajian	17
1.12	Penutup	17
<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1	Pendahuluan	19
2.2	Fahaman Konstruktivisme	19
2.2.1	Implikasi fahaman Konstruktivisme Kepada Pengajaran Sains	22
2.3	Peranan Guru Dalam Pengajaran Sains	23
2.4	Kerangka Alternatif dan Faktor Kewujudannya	25
2.5	Mikroskopik, Mikroskopik, dan Simbolik	27

2.6	Konsep Jirim	28
2.6.1	Konsep Atom, Molekul, dan Ion	29
2.6.2	Konsep Keabadian Jirim	30
2.6.3	Keadaan Jirim	31
2.6.4	Teori Kinetik Zarah	31
2.7	Penutup	32
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pendahuluan	34
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	35
3.4	Instrumen Kajian	36
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	38
3.5.1	Pengesahan Pakar Bidang	39
3.5.2	Kajian Rintis	39
3.6	Prosedur Kajian	40
3.7	Analisis Data	40
3.7.1	Statistik Deskriptif	40
3.7.2	Statistik Inferensi	41
3.8	Penutup	42



<b>4</b>	<b>KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pendahuluan	43
4.2	Tahap Kefahaman Guru Sains Mengenai Konsep Jirim	43
4.2.1	Tahap Kefahaman Guru Sains Dalam Konsep Atom	45
4.2.2	Tahap Kefahaman Guru Sains Dalam Konsep Keabadian Jirim	56
4.2.3	Tahap Kefahaman Guru Sains Dalam Konsep Keadaan Jirim	62
4.2.4	Tahap Kefahaman Guru Sains Dalam Teori Kinetik Zarah	70
4.3	Tahap Kefahaman Guru Sains Mengenai Konsep Jirim Berdasarkan Tahap Pendidikannya	75
4.4	Tahap Kefahaman Guru Sains Mengenai Konsep Jirim Berdasarkan Pengalaman Mengajarnya	81
4.5	Perbandingan Antara Kefahaman Guru Sains Sekolah Rendah Dan Sekolah Menengah Mengenai Konsep Jirim	83
4.6	Penutup	88
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, IMPLIKASI, DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pendahuluan	89
5.2	Rumusan	89
5.3	Implikasi Kajian	94
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	96
5.5	Penutup	98

**RUJUKAN**

xi

99

**LAMPIRAN**

112

## SENARAI JADUAL

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.1	Taburan maklumat latar belakang responden.	35
3.2	Pengagihan item Bahagian B, mengikut aspek kajian.	37
3.3	Item soal selidik yang digunakan daripada kajian-kajian lepas.	38
3.4	Skema jawapan bagi item dalam Bahagian B.	41
3.5	Penentuan tahap pemahaman.	41
4.1	Frekuensi skor dan peratusan kefahaman guru terhadap konsep jirim.	44
4.2	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 1.	46
4.3	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 2.	48
4.4	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 3.	49
4.5	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 4.	51
4.6	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 5.	53
4.7	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 6.	54
4.8	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 7.	55
4.9	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 8.	57
4.10	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 9.	58
4.11	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 10.	60
4.12	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 11 dan 12.	61
4.13	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 13.	63
4.14	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 14.	64
4.15	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 15.	66
4.16	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 16.	67

4.17	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 17.	68
4.18	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 18.	69
4.19	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 19 dan 20.	71
4.20	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 21.	72
4.21	Frekuensi skor dan pengkonsepan guru bagi item 22.	74
4.22	Tahap kefahaman guru sains mengenai konsep jirim berdasarkan tahap pendidikan.	76
4.23	Analisis ujian-t perbandingan tahap kefahaman guru sains mengenai konsep jirim berdasarkan kepada tahap pendidikan.	77
4.24	Tahap kefahaman guru sains mengenai konsep jirim berdasarkan tempoh pengalaman mengajar.	82
4.25	Tahap kefahaman guru sains mengenai konsep jirim berdasarkan tempat mengajar.	84
4.26	Analisis ujian-t perbandingan tahap kefahaman guru sains mengenai konsep jirim berdasarkan kepada tempat mengajar.	85

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang soal selidik untuk guru	112
B	Ulasan Soalan	123
C	Pengesahan Pakar Bidang	133
D	Surat kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.	134
E	Surat kebenaran menjalankan kajian daripada Jabatan Pelajaran Johor.	135

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Di Malaysia, Perdana Menteri Datuk Seri Najib telah menyenaraikan sasaran bagi enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) serta Petunjuk Prestasi Utama (KPI) setiap bidang selaras dengan wawasan pentadbirannya berdasarkan konsep 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Apa yang mahu ditekankan disini adalah kepada NKRA ketiga yang berkaitan dengan pendidikan iaitu Meluaskan Akses Kepada Pendidikan Berkualiti dan Berkempampuan (Mampu dicapai). Hal ini membuktikan bidang pendidikan adalah satu bidang yang perlu diberi perhatian khususnya bagi mencapai konsep 1Malaysia.

Selaras dengan itu, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) iaitu institusi latihan keguruan di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan dikawal selia oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah menggariskan misinya adalah untuk melaksanakan sistem pendidikan guru yang bertaraf dunia bagi memastikan guru-guru sentiasa berketrampilan dalam memenuhi aspirasi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM, 2008). Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) juga bertanggungjawab merancang dan melaksanakan latihan perguruan untuk memenuhi keperluan tenaga pengajar di institusi pendidikan seluruh negara. Bagi menjamin guru yang dihasilkan berkualiti tinggi, tiga aspek utama ditekankan iaitu amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran.

Untuk memenuhi tuntutan misi tersebut, Bahagian Pendidikan Guru merancang dan melaksanakan pelbagai program untuk kursus dalam perkhidmatan dan kursus praperkhidmatan. Kursus dalam perkhidmatan ialah program yang menyediakan latihan kepada guru-guru yang sedang berkhidmat di sekolah rendah dan menengah. Program ini bermatlamatkan kepada peningkatan pengetahuan dan profesionalisme keguruan di kalangan guru seiring dengan perkembangan pendidikan global. Manakala, kursus pra-perkhidmatan merupakan program yang menyediakan latihan perguruan untuk bakal guru sekolah rendah dan menengah.

Manakala bagi sesuatu sistem pendidikan dasarnya haruslah berpaksikan kepada falsafah yang jelas. Umum mengetahui bahawa falsafah pendidikan negara yang dirumuskan pada tahun 1988 dan disebut dalam Akta Pendidikan 1996 berbunyi: Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Undang-undang Malaysia, 1996). Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Pendidikan sains pula bertujuan untuk melahirkan insan yang berilmu pengetahuan, berkemahiran serta memenuhi ciri-ciri insan kamil terhadap alam sekelilingnya. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara, Pendidikan Sains di Malaysia adalah untuk memupuk budaya sains dan teknologi dengan memberi tumpuan kepada perkembangan individu yang kompetitif, dinamik, tangkas dan berdaya tahan serta dapat menguasai ilmu sains dan keterampilan teknologi. Kurikulum yang digubal adalah untuk memastikan pembangunan serta bidang keilmuan ini dapat digarap serta dicernakan sebaik mungkin oleh generasi akan datang amnya.

Dalam Pendidikan Sains, pelajar-pelajar mesti menguasai dua kemahiran iaitu kemahiran proses sains dan kemahiran manipulatif. Kemahiran-kemahiran ini akan

dapat dikuasai oleh murid-murid melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran secara “hands-on” dan “minds-on”. Pengalaman sedia ada pelajar di gunakan untuk mereka mempelajari dan memperolehi pengetahuan dan kemahiran baru. Pelajar-pelajar tidak lagi dianggap sebagai bekas kosong yang perlu diisi tetapi adalah individu-individu yang mempunyai kefahaman dan konsepnya sendiri mengenai alam dan fenomena-fenomenanya. Oleh itu, suasana pembelajaran bilik darjah semestinya menyediakan ruang untuk murid-murid menguji, menganalisis, menghipotesis dan menstruktur semula idea mereka dengan fakta sebenar.

Pembelajaran dalam sains dicapai melalui pengalaman praktikal dan mencari penerangan mengenainya. Ia menggunakan pengetahuan saintifik dan idea untuk menyelesaikan masalah atau menerangkan pemerhatian (Bell dan Pearson, 1991). Sebagai satu bidang ilmu pengetahuan, sains membekalkan satu rangka konsep yang membolehkan pelajar memahami alam sekeliling mereka. Pelajar-pelajar belajar secara pembinaan sendiri ilmu pengetahuan melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran yang disediakan oleh guru mereka. Mereka akan menggunakan pengalaman sedia ada mereka untuk membina pengalaman dan pengetahuan baru. Pendekatan pembelajaran di mana murid-murid membina pengetahuan dengan pengalaman mereka dipanggil konstruktivisme.

Namun demikian, ramai dalam kalangan guru sains sekolah rendah dan sekolah menengah yang tidak melaksanakan kurikulum sains KBSR dan KBSM di sekolah dengan berkesan sepertimana yang telah digariskan oleh kementerian. Kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2000) jelas terbukti bahawa guru sains masih cenderung dan terikat dengan kaedah pengajaran-pembelajaran tradisi yang berpusatkan guru, tanpa berusaha memberi penekanan terhadap kesepaduan domain kognitif, afektif dan psikomotor pelajar. Guru masih menggunakan papan hitam dan banyak memberi syarahan di mana pelajar disogok dengan fakta tanpa memahaminya (Aziz dan Fauziah, 1999). Hal yang demikian ini telah menyebabkan banyak berlakunya kerangka alternatif dalam kalangan pelajar.

Kesukaran pembelajaran dalam bidang sains juga berpunca daripada cara yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan sesuatu konsep kepada pelajar.



Menurut Yakubu (1992), guru lebih menggalakkan pelajar mereka menghafal fakta sains daripada betul-betul menguasai konsep tersebut. Fenomena ini telah menyebabkan pelajar tidak dapat memanfaatkan konsep yang dipelajari ke dalam kehidupan seharian. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak dapat memperkembangkan ilmu baru yang diperolehi menjadi lebih bermakna, sedangkan ilmu sains itu sangat dekat dengan aktiviti kehidupan manusia.

Disamping itu, terdapat beberapa faktor lain yang boleh mengganggu pengajaran sains menjadi lebih bermakna, antaranya ialah peringkat perkembangan kognitif pelajar, kekurangan motivasi dan strategi pembelajaran seperti menghafal teorem, definisi serta langkah-langkah penyelesaian (Ausubel, 1963). Kaedah pengajaran, penggunaan bahasa dan pengalaman harian adalah merupakan faktor-faktor yang boleh menyebabkan berlakunya miskonsepsi (Johston dan Mughol, 1976). Oleh yang demikian, dalam pengajaran dan pembelajaran sains, guru-guru sains perlulah mengetahui bahawa kefahaman pelajar terhadap pelajaran amat bergantung kepada pengetahuan sedia ada dan konteks pembelajaran yang mereka lalui.

Konsep adalah idea abstrak yang digeneralisasikan daripada fakta-fakta atau pengalaman yang spesifik. Konsep adalah satu gagasan idea (idea yang baru) yang abstrak untuk dijadikan satu dasar dalam membina atau membuat sesuatu perkara. Konsep jirim adalah konsep asas dalam sains. Jirim merupakan sebarang bahan yang mempunyai jisim dan memenuhi ruang. Jirim terdiri daripada zarah yang halus dan diskrit. Jirim terbahagi kepada tiga keadaan iaitu pepejal, cecair dan gas. Setiap jirim adalah tersusun daripada atom-atom. Atom-atom pula tersusun daripada proton, neutron dan elektron.

Tanpa pemahaman yang tepat dalam sesuatu konsep, seseorang guru itu sukar untuk mengajar pelajar dengan berkesan. Malah, pelajar-pelajar juga akan menghadapi kesulitan untuk memahami konsep-konsep yang lebih kompleks. Penguasaan yang lemah terhadap sesuatu konsep asas sains boleh menyebabkan pelajar tidak dapat mengembangkan sesuatu konsep baru yang diperolehi dengan

lebih berkesan. Atas kesedaran inilah, kajian yang bertujuan untuk mengetahui tahap kefahaman guru-guru sains terhadap konsep jirim amat perlu dilaksanakan.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Di dalam bahagian ini, hujah-hujah dan fakta-fakta yang ilmiah dikemukakan bagi menunjukkan terdapatnya masalah yang perlu diselesaikan disamping memberikan alasan kenapa perlu dijalankan kajian ini. Dalam kajian ini, masalah utama yang ingin dikaji adalah berkenaan dengan kefahaman guru terhadap konsep jirim. Tiga faktor penyumbang kefahaman guru yang dikaji adalah tahap pendidikan, pengalaman mengajar, dan di mana tempat mengajar mereka.

### **1.2.1 Kefahaman Guru Mengenai Konsep Jirim**

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran sains, konsep merupakan asas yang perlu difahami, dibina dan dikuasai pelajar. Konsep asas yang telah dikuasai menggalakkan pelajar mempelajari sesuatu konsep yang baru dengan lebih mudah (Aziz dan Fauziah, 1999).

Kebanyakan konsep dalam sains adalah abstrak, dan begitulah juga dengan konsep jirim (Snir, Smith dan Raz, 2003). Konsep jirim ini adalah asas dalam menerangkan fenomena-fenomena sains (Bar, 1989; De Vos dan Verdonk, 1996) seperti proses resapan, proses pelarutan, dan larutan kimia (Lee et al., 1993) dan juga tindakbalas kimia, yang berkaitan dengan kesan tekanan, isipadu, dan suhu pada gas (Nakhleh, 1992), haba dan perpindahan haba, dan arus elektrik (De Vos dan Verdonk, 1996). Jirim ini adalah merupakan unit yang paling asas bagi bahan yang wujud di sekeliling kita di muka bumi ini. Setiap benda tidak kira benda hidup atau benda bukan hidup terdiri daripada jirim. Jirim akan wujud dalam tiga keadaan yang utama iaitu pepejal, cecair dan gas.

Pelajar telah mempunyai idea atau pengetahuan sedia ada sebelum mereka belajar sains secara formal di sekolah. Berdasarkan Teori Konstruktivis, pelajar membina pengetahuan sendiri melalui interaksi personal dengan fenomena semula jadi dan interaksi sosial dengan orang dewasa dan rakan sebaya (Mohammad Yusof, 1998). Pembelajaran sains menjadi lebih sukar dengan wujudnya idea alternatif. Idea pelajar yang berbeza dengan pandangan saintis ini akan mendatangkan masalah ketika mengikuti kursus di peringkat pengajian tinggi (Garnett dan Hackling, 1993).

Banyak kajian mengenai kerangka alternatif membuktikan bahawa pelajar mengalami kesukaran dalam mempelajari subjek sains. Antara topik yang terkandung dalam mata pelajaran sains yang diakui sukar untuk dipelajari oleh para pelajar termasuklah konsep mol, konsep jirim, pengoksidaan-penurunan, asid dan bes, ikatan kimia dan tindak balas kimia (Hackling dan Garnett dalam Ozmen dan Ayas, 2003). Penguasaan konsep ini tidak dapat dibina dengan mudah kerana ia memerlukan penguasaan yang tepat pada ketiga-tiga aras pengkonsepsian itu iaitu aras makroskopik, mikroskopik dan persymbolan kerana setiap subkonsep ini adalah saling berkaitan dan mempengaruhi antara satu sama lain. Hanya segelintir pelajar mampu menerangkan sesuatu konsep secara mikroskopik, kebanyakannya menerangkan secara makroskopik.

Oleh yang demikian, guru-guru sains perlulah menguasai konsep-konsep sains dengan mantap terlebih dahulu sebelum mengajar kepada pelajar supaya pengajaran sains menjadi lebih berkesan dan dapat mengelakkan berpindahannya kerangka alternatif guru kepada pelajar. Magnusson et al. (1992) telah membuktikan bahawa terdapat hubung kait antara pengetahuan guru dan perubahan kepada pengetahuan pelajar, iaitu apabila guru mempunyai kerangka alternatif maka pelajar akan membina kerangka alternatif yang sama.

Banyak kajian di beberapa buah negara telah melaporkan bahawa guru-guru mempunyai pelbagai kerangka alternatif dalam silibus yang diajari di sekolah (Gooday dan Wilson, 1996; Summers, 1992; Taylor dan Coll, 1997; Trumper 1996), tetapi tidak terdapat kajian yang memberi fokus kepada kerangka alternatif guru sains di Malaysia terutama dalam konsep jirim. Disebabkan banyak kajian telah

melaporkan (Azizi et al., 2003; Johari dan Mohamad Yusof, 2003; Mohammad Yusof, 1995) pelajar Malaysia mempunyai kerangka alternatif selepas pengajaran, persoalannya adakah guru Malaysia penyebab kepada kewujudan kerangka alternatif ini. Ini merupakan antara fokus utama dalam kajian ini.

### **1.2.2 Pengetahuan Guru Sains**

Guru merupakan elemen penting dalam pendidikan. Menurut Magisos (1989), guru yang berpengetahuan tinggi, mahir dan cekap menjalankan tugas adalah merupakan seorang guru yang berkesan. Kauchak dan Enggan (1989) juga berpendapat, pengajaran yang berkesan memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang luas terhadap mata pelajaran serta mempunyai kefahaman terhadap aspek pembelajaran murid.

Pengetahuan guru banyak bergantung kepada apa yang dipelajari semasa latihan perguruan di peringkat diploma, ijazah, atau sarjana di universiti atau kolej. Pengetahuan ini sudah tentu bukan hanya bertumpu kepada pengetahuan tentang kandungan sesuatu mata pelajaran, tetapi juga pengetahuan tentang proses pengajaran dan pembelajaran yang akan memberi kesan kepada pengajaran mereka (Parker dan Heywood, 2000).

Pengajaran yang berkualiti adalah hasil daripada mereka yang mempunyai pengetahuan yang diperlukan pada suatu disiplin ilmu tersebut. Guru yang efektif ialah guru-guru yang mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam mata pelajaran yang diajarnya, dan berkebolehan membina pelbagai contoh yang dapat membantu pelajar memahami suatu konsep dengan mudah, bebas daripada kerangka alternatif, dan seterusnya dapat menstruktur semula kerangka alternatif tersebut.

Kajian KPM (2002) juga menunjukkan bahawa kejayaan pelaksanaan mata pelajaran sains sangat berkait rapat dengan kelayakan akademik dan kelayakan ikhtisas guru. Kajian menunjukkan bahawa guru yang mempunyai tahap pendidikan

yang tinggi lebih memahami isi kandungan dan tahu untuk mengaplikasikan ilmu yang hendak diajar bagi mengelakkan kesalahan pelajar dalam memahami sesuatu konsep (Raudenbush et al., 1993; Schempp et al., 1998; Robinson, 1986; Vygotsky, 1962). Tinjauan literatur juga menunjukkan guru yang berkelayakan tinggi dalam bidangnya dan banyak mengikuti latihan profesional akan mengamalkan amalan pengajaran yang berkesan (Juliana Othman, 2007).

Sebagai rumusan, pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang guru sains itu sangat memberi kesan terhadap tahap kefahamannya mengenai isi kandungan sesuatu mata pelajaran yang diajarinya. Ia juga seterusnya akan memberi kesan kepada keberkesanan pengajaran bagi sesuatu konsep sains di dalam bilik darjah. Oleh yang demikian, perlulah dititikberatkan soal pengetahuan guru sains ini terhadap konsep asas sains iaitu konsep jirim supaya tidak terbentuk kerangka alternatif di kalangan pelajar pula. Seterusnya kajian ini memberikan fokus adakah guru-guru yang mempunyai kelayakan yang terbaik mempunyai pengetahuan konsep jirim yang mencukupi untuk mengajar.

### **1.2.3 Pengaruh Pengalaman Mengajar Terhadap Pengajaran**

Pengalaman mengajar adalah faktor penyumbang kepada kefahaman pelajar (Berliner, 1994; Shulman, 1986; Glaser, 1985). Pengalaman mengajar guru itu memberi kesan kepada kefahaman pelajar mengenai konsep-konsep sains. Guru berpengalaman mempunyai pengetahuan yang luas dan boleh menjadikan pengajaran lebih efektif (Aini Hassan, 1996). Pengalaman mengajar membolehkan seseorang guru mengetahui kekuatan dan kelemahan dalam pengajarannya dengan menjadikan mereka lebih bijak memilih isi kandungan untuk disesuaikan dengan strategi dan kepelbagaian kerangka alternatif pelajar.

Pengalaman mengajar seseorang guru itu juga dapat membantu pelajar mereka dalam pembelajarannya dengan memudahkan maklumat yang kompleks dan mengambil kira kerangka alternatif untuk memastikan kefahaman murid mengenai

konsep sains (Juliana, 2007). Ini disokong oleh Zamri et al. (2009) yang menyatakan bahawa guru yang lebih berpengalaman menggunakan strategi pengajaran yang bersifat *student-centered* kerana mereka memahami bahawa pelajar mempunyai pelbagai kerangka alternatif mengenai konsep-konsep dalam sains.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa pengalaman mengajar seseorang guru memberi satu impak besar terhadap strategi pengajarannya di dalam bilik darjah dan memberi kesan terhadap pengetahuannya. Maka, adalah perlu untuk menganalisis kesan kefahaman seseorang guru berdasarkan pengalaman mengajarnya.

#### **1.2.4 Keperluan Kefahaman Guru Di Peringkat Sekolah**

Sepertimana yang kita ketahui bahawa guru adalah elemen penting dalam pendidikan. Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Itulah yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia.

Oleh yang demikian, pendidikan Sains di Malaysia dibentuk bagi memupuk budaya sains dan teknologi dengan memberi tumpuan kepada perkembangan individu yang kompetitif, dinamik, tangkas dan berdaya tahan serta dapat menguasai ilmu sains dan keterampilan teknologi. Justeru itu, guru di sekolah memainkan peranan penting dalam mencapai misi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) juga yang terbaru adalah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum sains mementingkan pembelajaran secara berfikir. Pembelajaran berfikir adalah satu proses pemerolehan dan penguasaan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang dapat mengembangkan minda seseorang pelajar ke tahap yang optimum. Maka, adalah penting seseorang guru sains itu melengkapkan diri dengan kefahaman yang tinggi, jika tidak mana mungkin mereka dapat mengembang minda pelajar dengan bertanyakan soalan atau masalah yang beraras tinggi dan meminta pelajar menyelesaikan masalah menggunakan daya kreatif dan kritis mereka.

Martabat guru amat tinggi kerana mereka berperanan mengajar dan mendidik pelajar dengan pelbagai ilmu dan pengetahuan dengan tujuan utama menjadikan pelajar sebagai insan berguna dan berjaya. Oleh itu, tahap pemikiran guru akan menentukan dan memainkan peranan penting yang konstruktif dalam pendidikan guru serta pelajar pada masa hadapan. Sejajar dengan ini, guru seharusnya sentiasa mengemaskini perkembangan pendidikan diri dengan bacaan dan inkuiri diri yang meluas.

Manakala, kurangnya tahap penguasaan mata pelajaran sains dalam kalangan guru dan teknik pengajaran guru yang kurang berkesan akan menjejaskan objektif mata pelajaran sains. Pelajar akan menyalahtafsir, mengubahsuai atau menolak pandangan saintifik yang diajar dalam bilik darjah kerana penerangan guru seringkali bercanggah dengan pengetahuan sedia ada mereka. Justeru, guru perlu mengenal pasti punca yang menyebabkan berlakunya miskonsepsi terlebih dahulu sebelum menetapkan strategi pembelajaran dan pengajaran yang sesuai dipraktikkan dalam bilik darjah.

Selain itu, guru di sekolah perlu bijak untuk memanfaatkan dorongan ingin tahu (inkuiri) pelajar yang bersifat semula jadi dengan menyediakan alat bantu belajar yang sesuai dan berguna bagi pelajar serta memberikan pelbagai peluang serta ruang agar pelajar berupaya berprestasi secara maksimum, Hal ini penting bagi pembinaan konsep yang betul supaya perbincangan antara guru dan pelajar tidak

hanya terhad kepada perolehan fakta dan penjelasan kejadian secara makroskopik sahaja.

Rumusannya, jika penyampai (guru) cetek pengetahuannya mengenai maklumat yang cuba disampaikan, maka pendengar (pelajar) akan berasa bosan dan tidak berminat untuk mendengar (Sabri Ahmad, 1997). Sekiranya ini berlaku ia akan memberi kesan kepada pencapaian pelajar di sekolah. Malah, mutu professional guru sains juga akan merudum kerana kefahaman konsep yang kurang tepat.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Hampir kesemua konsep sains adalah abstrak. Tanpa menguasai konsep, semua pembelajaran akan menjadi hafalan dan tidak lagi bermakna (Hanafi, 2004). Pemahaman konsep oleh guru adalah penting supaya pengajarannya lebih berkesan dan dapat mengelakkan berpindahinya kerangka alternatif kepada pelajar. Keadaan ini menyebabkan pelajar tidak dapat memahami situasi sebenar tentang sesuatu konsep sains sehingga mereka merasa sains itu susah dan dalam masa yang sama wujudnya kerangka alternatif. Pengetahuan guru mengenai isi kandungan mata pelajaran membantu guru untuk mengaplikasikan ilmu yang hendak diajar bagi mengelakkan kesalahan pelajar dalam memahami sesuatu konsep. Penguasaan konsep asas jirim yang lemah, misalnya, menyebabkan pelajar gagal menguasai konsep sains yang lebih kompleks (Nakhleh, 1992). Pengalaman mengajar seseorang guru itu juga memberi kesan kepada kefahaman mereka mengenai konsep-konsep dalam silibus pengajaran. Justeru, adalah sangat penting supaya dijalankan satu kajian untuk mengkaji tahap kefahaman guru-guru sains mengenai konsep jirim berdasarkan tahap pendidikan, pengalaman mengajar, dan tempat mengajar.



#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Menentukan tahap kefahaman guru sains di daerah Skudia mengenai konsep jirim.
- ii. Menentukan tahap kefahaman guru sains mengenai konsep jirim berdasarkan tahap pendidikan.
- iii. Menentukan tahap kefahaman guru sains mengenai konsep jirim berdasarkan pengalaman mengajar.
- iv. Mengkaji tahap kefahaman guru sains sekolah rendah dan sekolah menengah mengenai konsep jirim.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Antara persoalan kajian yang ingin dikemukakan di dalam kajian ini adalah:

- i. Apakah tahap kefahaman guru sains Malaysia mengenai konsep jirim?
- ii. Apakah tahap kefahaman guru sains mengenai konsep jirim berdasarkan tahap pendidikannya?
